

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

Scientex sasar bina 33,000 unit rumah mampu milik

→ Nilai pembangunan kasar RM13 bilion dalam tempoh 10 tahun

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@nstp.com.my

Scientex Bhd menasar untuk membina 33,000 unit rumah mampu milik di Semenanjung Malaysia dalam tempoh 10 tahun membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM13 bilion.

Pengarah Urusannya, Lim Peng Jin, berkata jumlah itu adalah hampir sekali ganda daripada 17,500 unit rumah mampu milik yang sudah disiapkannya ketika ini.

Katanya, ini akan menjadikan jumlah keseluruhan rumah mampu milik yang dibina syarikat itu menjelang 2028 adalah sebanyak 50,000 unit, sekali gus memanfaatkan lebih 300,000 penduduk negara ini.

"Bagi memastikan sasaran ini

tercapai, kami komited untuk membina sekurang-kurangnya 3,300 unit rumah setahun. Semua projek rumah mampu milik ini akan dibangunkan di atas tanah sedia ada milik syarikat berkeluasan 1,335.6 hektar yang terletak di Selangor, Johor, Melaka dan Perak.

"Selain itu, syarikat juga akan menggiatkan usaha untuk meningkatkan simpanan tanah dengan membeli sekurang-kurangnya lima bidang tanah di kawasan strategik di empat negeri terbabit atau di negeri lain di Semenanjung Malaysia," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran buku meja kopi berjudul *Scientex at 50: Challenge new heights together* di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengerusi, Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim.

Buku setebal 128 muka surat itu



Peng Jin (dua dari kiri) pada majlis pelancaran buku meja kopi berjudul *Scientex at 50: Challenge new heights together* di Kuala Lumpur, semalam.

berkongsi kisah perjalanan Scientex selama 50 tahun sejak ditubuhkan pada 1968.

Bermula sebagai pengeluar kain kulit PVC, syarikat itu kini muncul antara peneraju pengeluar pembungkusan perindustrian dan pemaju hartanah dengan merekodkan pendapatan berjumlah RM2.6 bilion untuk tahun kewangan berakhir 31 Julai 2018.

Guna kepakaran

Syarikat itu mula menceburi sektor pembangunan hartanah pada 1995 dan telah menyiapkan projek pembangunan bernilai lebih RM4 bilion sehingga kini.

Mengulas lanjut, Peng Jin berkata dalam tempoh 20 tahun, pihaknya tidak pernah jemu membangunkan rumah mampu milik, mengguna pakai sebaik mungkin kepakarannya dari aspek kepantasan, kecekapan kos dan kualiti.

"Ini telah menjadi tunjang kepada trek rekod kami menyiapkan rumah mengikut jadual, malah adakalanya dalam tempoh 15 bulan dari kebenaran kelulusan

Fakta
nombor

50,000
UNIT

rumah mampu milik
dibina menjelang 2028

RM4
BILION

nilai projek hartanah
sejak 1995

pembangunan," katanya.

Syarikat itu juga meletakkan sasaran untuk meraih pendapatan berjumlah RM10 bilion menjelang tahun 2028 dengan sektor hartanah menyumbang RM2 bilion.

Sementara itu, ditanya mengenai cadangan pengenalan platform pendanaan ramai untuk hartanah Peng Jin berkata pihaknya mengambil pendekatan tunggu dan lihat sebelum membuat keputusan sama ada mahu menyertainya atau tidak.

"Cadangan ini adalah sangat inovatif dan salah satu cabaran utama untuk kami, pemaju rumah untuk menjual rumah mampu milik ialah mendapatkan pembiayaan bank (bagi pembeli).

"Kami agak teruja dengan skim ini tetapi ia masih baharu, kami mahu melihat terlebih dulu perkembangan skim ini termasuk perlu memberi jaminan pulangan lima peratus kepada pelabur.

"Kami tidak terbabit dengan skim ini, kami sedang memantunya dengan rapat dan akan meneliti bagaimana untuk terbabit sama pada masa depan," katanya.